

## Tahap Sebutan Huruf Konsonan Arab dalam Kalangan Murid Prasekolah (The Level of Arabic Consonants Pronunciation Among Preschool Children)

NIK MOHD RAHIMI, HARUN BAHARUDIN & ZAMRI MAHAMOD

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk menilai sebutan konsonan dalam kalangan murid prasekolah. Objektif kajian ini adalah untuk Mengenal pasti tahap penguasaan sebutan huruf konsonan Arab dalam kalangan murid prasekolah dan Mengenal pasti kefasihan sebutan huruf konsonan Arab dalam kalangan murid prasekolah. Kajian ini dijalankan di lima buah tadika. Sampel yang terlibat dalam kajian ini seramai 108 orang murid yang berumur enam tahun. Data yang diperoleh melalui ujian sebutan huruf konsonan Arab berdasarkan kaedah al-Khalil. Hasil kajian menunjukkan sebanyak 15 konsonan berada pada tahap fasih, 12 konsonan berada pada tahap sederhana fasih dan satu konsonan berada pada tahap tidak fasih. Oleh itu, huruf-huruf yang berada pada tahap sederhana fasih dan tidak fasih perlu diberi penekanan dalam latihan sebutan konsonan Arab.*

*Kata kunci: Pembelajaran bahasa Arab, pemerolehan bahasa kedua, huruf konsonan Arab, murid prasekolah, sebutan bahasa Arab, kemahiran membaca.*

### ABSTRACT

*The aim of this study is to evaluate the pronunciation of Arabic language consonants among preschool children. The objectives of this study are to identify the level of pronunciation of Arabic Language consonants; and to identify the fluency level of Arabic consonants. This study was carried out at five preschool centers and the samples consist of 108 preschool students at the age of six. The data were collected from one set of pronunciation test based on al-Khalil Methodology. From the study, 15 consonants were found to be at the high level of fluency, 12 consonants at the moderate level, and one at the weak level.*

*Keywords: Arabic language learning, second language acquisition, Arabic consonants, preschool children, Arabic pronunciation, Arabic language reading skills.*

### PENGENALAN

Penguasaan sebutan huruf konsonan Arab boleh didefinisikan sebagai kecekapan seseorang menyebut huruf konsonan-konsonan Arab mengikut makhrajnya. Pada peringkat permulaan pembelajaran bahasa Arab, penguasaan sebutan makhraj konsonan Arab perlu ditekankan, kerana tanpa penguasaan yang baik, akan membawa kepada perubahan makna yang berlainan. Sebagai contoh, perkataan bahasa Arab [قلب] memberi erti makna 'hati', tetapi sekiranya tersilap makhraj dengan makhraj [ك] dengan menyebut [كلب], ia memberi erti makna 'anjing'. Penekanan kepada penguasaan sebutan huruf konsonan Arab perlu diberi penekanan pada peringkat awal pembelajaran bahasa Arab lagi, iaitu prasekolah dengan maksud kesalahan sebutan tidak berlaku pada peringkat pengajian yang seterusnya.

Setiap huruf konsonan Arab mempunyai makhrajnya yang tersendiri yang berlainan antara satu konsonan dengan konsonan yang lain. Makhraj secara mudahnya ialah tempat tertahan angin keluar dari dalam paru-paru ke luar

mulut. Sebagai contoh konsonan [و], tempat angin tertahan pada organ sebutan ialah bibir mulut. Makhraj bagi [و] ialah organ bibir. Oleh yang demikian, semasa konsonan ini dibunyikan makhraj berfungsi. Sekiranya tersalah makhraj, konsonan lain akan terlafaz dan akan menyebabkan silap faham kepada pendengar.

Masalah kesilapan makhraj merupakan perkara yang biasa berlaku dalam pembelajaran bahasa kedua (Kamarulzaman & Rahimi 2000). Ini adalah kerana pelajar bahasa kedua sering terpengaruh dengan sebutan bahasa ibunda. Antara bahasa ibunda dan bahasa kedua sudah semestinya mempunyai perbezaan bunyi konsonan, antaranya ada konsonan bahasa kedua yang tidak ada dalam bahasa ibunda. Konsonan yang tidak ada dalam bahasa ibunda akan memberi masalah untuk pelajar bahasa kedua menguasainya. Sebagai contoh, konsonan bahasa Melayu 'p' tidak ada dalam bahasa Arab. Apabila pelajar Arab mempelajari bahasa Melayu, mereka akan mengalami masalah untuk menguasai sebutan yang betul untuk konsonan berkenaan. Pada peringkat permulaan, mereka akan menggunakan konsonan yang paling hampir dengan konsonan berkenaan, iaitu 'f' atau 'b'.

Berdasarkan kajian perbezaan organ sebutan antara bahasa Melayu dan bahasa Arab, terdapat tujuh persamaan antara organ sebutan bahasa Arab dengan Bahasa Melayu (Kamarulzaman & Rahimi 2000), iaitu kotak suara, lelangit lembut, lelangit keras, gusi dan lelangit, gigi, dua bibir dan lidah. Manakala dari sudut perbezaan organ sebutan antara kedua bahasa ini pula, terdapat dua organ sebutan bunyi bahasa Arab yang tidak digunakan dalam bahasa Melayu, iaitu rongga rengkung dan anak tekak atau epiglotis. Kedua-dua organ ini digunakan untuk mengujar bunyi bagi huruf [ع] [ح] [خ] [غ] [ق].

Perbezaan sebutan ini akan membawa kepada kesukaran untuk mengujar sebutan yang tidak ada dalam bahasa ibunda, terutama sekali kepada murid prasekolah. Hal ini adalah kerana apabila mereka masuk ke kelas prasekolah, mereka akan diperkenalkan dengan huruf konsonan-konsonan Arab ketika belajar bahasa Arab dan ilmu tajwid. Sebelum ini, mereka hanya terdedah kepada bunyi bahasa Melayu sahaja dari persekitaran, iaitu daripada ibu bapa mereka dan masyarakat sekeliling. Justeru apabila mereka mulai belajar bahasa Arab, mereka mengalami kesukaran untuk menyebut huruf konsonan Arab, terutama sekali huruf konsonan Arab yang tidak ada dalam bahasa Melayu.

#### PEMBELAJARAN KONSONAN DALAM KALANGAN PELAJAR PRASEKOLAH

Menurut Owens (2004), kanak-kanak belajar menyebut konsonan dengan bergantung penuh kepada keupayaan pendengarannya. Dengan indera pendengaran, kanak-kanak membina kecerdasan mereka (Siti Rahayah et al. 2008). Kanak-kanak akan mendengar penuh perhatian pada sumber suara dan pada peringkat permulaan mereka tidak berani untuk menyebut terlebih dahulu sehingga mereka pasti dengan bentuk bunyi suara berkenaan. Setelah mereka yakin dengan bentuk bunyi berkenaan, barulah mereka cuba-cuba menyebut bunyi itu. Untuk memberi keyakinan kepada mereka menyebut perkataan atau ayat, mereka perlu dilatih mendengarnya berulang-ulang kali. Dengan mendengarnya berulang-ulang kali, mereka akan mencuba-cuba menyebutnya semula. Hal ini berlaku kepada semua kanak-kanak dalam mendengar bunyi bahasa, termasuk murid-murid prasekolah yang belajar bahasa Arab atau ilmu tajwid. Menurut Muhammad Solahuddin (1997), pembelajaran huruf konsonan Arab dalam ilmu tajwid memang terdapat masalah pengujaran konsonan, walaupun dalam kalangan murid Arab itu sendiri, terutama bila mereka didedahkan dengan aksara-aksara tulisan huruf-huruf konsonan Arab. Hal ini berlaku pada huruf konsonan yang mempunyai sifat yang hampir sama, seperti huruf [س] dan [ش], [ت] dan [ظ] dan beberapa huruf konsonan yang lain-lain.

Perkara ini akan menjadi lebih masalah kepada murid prasekolah yang bukan Arab bila didedahkan dengan aksara-aksara tulisan Arab ini ketika belajar bahasa Arab atau ilmu tajwid. Hal ini adalah kerana mereka tidak biasa mendengar huruf-huruf konsonan Arab, apatah lagi huruf-huruf yang tidak ada dalam bahasa Melayu, sebagai contoh huruf [ق], [خ], [ص] dan beberapa huruf yang lain lagi. Sifat huruf-huruf ini ialah tafkhim dan sifat tafkhim tidak ada dalam bahasa Melayu.

Al-Gharbi (1987) mencadangkan cara melatih murid prasekolah menguasai huruf-huruf konsonan adalah dengan memperkenalkan empat hingga lima konsonan sehari, bersama dengan perkataan-perkataan yang mengandungi huruf-huruf konsonan berkenaan. Namun cadangan ini adalah untuk huruf konsonan dalam bahasa ibunda sendiri, bukannya untuk pembelajaran konsonan bahasa kedua, seperti bahasa Arab untuk murid prasekolah aliran Melayu. Bagi pembelajaran konsonan bahasa kedua, jumlah konsonan yang boleh diperkenalkan kepada murid seharusnya kurang daripada empat atau lima, iaitu mungkin dua atau tiga sahaja bersama dengan perkataan-perkataan yang mengandungi huruf konsonan berkenaan.

Walau bagaimanapun, terdapat cadangan untuk melatih murid prasekolah menguasai huruf konsonan dengan cara menggunakan nama-nama mereka sendiri (Adams 1990). Namun demikian, teknik ini tidak digalakkan dalam pembelajaran bahasa Arab mahupun dalam ilmu tajwid. Ini adalah kerana beberapa huruf konsonan Arab dalam bahasa Melayu telah diubah sifatnya kepada sifat yang lebih dekat dalam bahasa Melayu. Sebagai contoh nama [صالح], iaitu huruf [ص] diubah kepada huruf [س] menjadi [سالح]. Hal ini akan lebih mengelirukan murid prasekolah, yang mana mereka telah biasa menyebut [صالح] berbanding [سالح].

Teknik lain untuk melatih murid prasekolah menguasai huruf konsonan adalah dengan menggunakan pembendaharan kata daripada bahan-bahan maujud sekeliling yang dekat dengan murid. Sebagai contoh, peralatan tulisan, peralatan yang terdapat di dalam bilik darjah, kata-kata nama yang terdapat dalam sekolah atau di rumah. Teknik ini sebenarnya sememangnya telah dipraktikkan dalam buku-buku pembelajaran bahasa ibunda, termasuk dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Sementara itu, pembelajaran konsonan secara umumnya mengandungi dua kemahiran utama yang perlu difokuskan, iaitu yang pertama keupayaan untuk membezakan antara aksara konsonan dan yang kedua keupayaan membezakan sebutan bunyi konsonan. Kemahiran pertama boleh dilatih dengan membiasakan murid prasekolah melihat aksara-aksara konsonan dalam bentuk berasingan dan dalam bentuk perkataan. Kedua-dua aksara bentuk ini perlu dilatih kepada penglihatan murid untuk membezakan bagaimana bentuk aksara dalam keadaan tunggal dan dalam bentuk perkataan. Dalam pembelajaran bahasa Arab, iaitu bentuk aksara tunggal berubah apabila berada dalam bentuk perkataan, misalnya



4.34 manakala nilai interpretasi skor min untuk tahap sebutan konsonan yang fasih ialah min=4.35 – 6.00 (Zawawi 2008).

#### DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan hasil dapatan kajian daripada ujian sebutan konsonan. Dapatan menunjukkan bahawa; (1) huruf konsonan [ب] min = 5.21; (2) huruf konsonan [ت] min = 4.43; (3) huruf konsonan [ث] min = 2.76; (4) huruf konsonan [ج] min = 4.51; (5) huruf konsonan [ح] min = 4.01; (6) huruf konsonan [خ] min = 2.82; (7) huruf konsonan [د] min = 4.77; (8) huruf konsonan [ذ] min = 2.89 (9) huruf konsonan [ر] min = 3.17; (10) huruf konsonan [ز] min = 3.47; (11) huruf konsonan [س] min = 4.62; (12) huruf konsonan [ش] min = 4.69; (13) huruf konsonan [ص] min = 3.96; (14) huruf konsonan [ض] min = 2.83; (15) huruf konsonan [ظ] min = 3.35; (16) huruf konsonan [ط] min = 2.93; (17) huruf konsonan [ع] s min = 3.42; (18) huruf konsonan [غ] min = 2.51; (19) huruf konsonan [ظ] min = 5.24; (20) huruf konsonan [ق] min

= 4.30; (21) huruf konsonan [ك] min = 4.68; (22) huruf konsonan [ل] min = 5.33; (23) huruf konsonan [م] min = 5.44; (24) huruf konsonan [ن] min = 5.22; (25) huruf konsonan [و] min = 5.45; (26) huruf konsonan [ه] min = 4.64; (27) huruf konsonan [ء] min = 4.65; dan akhir sekali (28) huruf konsonan [ي] min = 5.12.

Berdasarkan Jadual 1, keputusan kajian menunjukkan sebanyak 15 konsonan dapat disebut dengan fasih, iaitu dari min = 1.00 hingga min = 2.67, 12 konsonan sederhana fasih, iaitu dari min = 2.68 hingga min = 4.34, dan satu konsonan tidak fasih, iaitu dari min = 4.35 hingga min = 6.00. Konsonan-konsonan yang berada pada tahap fasih ialah yang pertama konsonan [و] [م] [ل] [ظ] [ن] [ب] [ي] [د] [ش] [ك] [ء] [ه] [س] [ج] [ت]. Konsonan-konsonan yang berada pada tahap sederhana fasih pula ialah [ق] [ح] [ص] [ز] [ع] [ظ] [ر] [ط] [ذ] [خ] [ض] [ث]. Manakala konsonan yang berada pada tahap tidak fasih ialah [غ]. Manakala min keseluruhan pula berada pada tahap sederhana min = 3.06, iaitu di antara min = 2.68 hingga 4.34.

JADUAL 1. Hasil Keputusan Ujian Sebutan Makhraj Konsonan Secara Keseluruhan

| HURUF | MIN  | HURUF | MIN  |
|-------|------|-------|------|
| ب     | 5.21 | ظ     | 3.35 |
| ت     | 4.43 | ظ     | 2.93 |
| ث     | 2.76 | ع     | 3.42 |
| ج     | 4.51 | غ     | 2.51 |
| ح     | 4.01 | ظ     | 5.24 |
| خ     | 2.82 | ق     | 4.30 |
| د     | 4.77 | ك     | 4.68 |
| ذ     | 2.89 | ل     | 5.33 |
| ر     | 3.17 | م     | 5.44 |
| ز     | 3.47 | ن     | 5.22 |
| س     | 4.62 | و     | 5.45 |
| ش     | 4.69 | ه     | 4.64 |
| ص     | 3.96 | ء     | 4.65 |
| ض     | 2.83 | ي     | 5.12 |

Min keseluruhan = 3.06

#### PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Secara umum keputusan dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan sebutan huruf konsonan Arab daripada aspek makhraj dalam kalangan murid prasekolah berada pada tahap sederhana fasih. Keputusan juga menunjukkan sebanyak 15 konsonan dapat disebut dengan fasih, 12 konsonan sederhana fasih, dan satu konsonan tidak fasih. Keputusan ini merujuk kepada terdapat perbezaan makhraj antara bahasa Melayu dan bahasa Arab. Berdasarkan sorotan literatur terdapat dua organ sebutan huruf konsonan Arab yang tidak ada dalam bahasa Melayu, iaitu rongga rengkung dan anak tekak atau epiglotis. Huruf konsonan yang dikeluarkan daripada organ sebutan ini ialah [ع] [ح] [خ] [ق] [غ]. Berdasarkan

kepada keputusan kajian, huruf-huruf ini berada pada tahap sederhana fasih dan tidak fasih.

Hal ini juga merujuk kepada sifat huruf konsonan Arab, iaitu sebahagian subjek utama pada awal pembelajaran bahasa Arab. Mengabaikannya akan membawa kepada sebutan yang salah dan ini akan menjadi faktor sukarnya menguasai kemahiran membaca dan bertutur (Rahimi 2000). Untuk mengatasi masalah ini, perlu kepada latihan yang berterusan, pengulangan dan pengukuhan (taqwiyyah) dalam pengajaran dan pembelajaran. Latihan ini dalam teori pembelajaran ialah berasaskan teori rangsangan dan tindak balas dan pelaziman. Dalam konteks ini, guru memainkan peranan memberi rangsangan kepada murid-murid dan seterusnya melazimkan sebutan yang betul dalam kalangan murid.

Huruf konsonan yang fasih merujuk kepada persamaan organ sebutan antara bahasa Melayu dan bahasa Arab. Kajian menunjukkan terdapat tujuh persamaan antara organ sebutan bahasa Arab dengan bahasa Melayu, iaitu kotak suara, langit lembut, langit keras, gusi dan langit, gigi, dua bibir dan lidah (Kamarulzaman & Rahimi 1998). Justeru itu, keputusan menunjukkan huruf-huruf berikut berada pada tahap fasih, iaitu [و] [م] [ل] [ظ] [ن] [ب] [ي] [د] [ش] [س] [ج] [س] [س] [ش] [د] [ي] [ب] [ن] [ظ] [ل] [م] [و] [ء] [هـ] [ك] dan [ت]. Organ-organ sebutan huruf-huruf ini ialah sama yang mewakili huruf-huruf konsonan dalam bahasa Melayu, iaitu [w] [m] [L] [n] [p] [b] [y] [d] [s] [sy] [j] [a] [h] [k] dan [t].

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan antara dua bahasa bahasa ini daripada aspek sifat huruf. Pengaruh bahasa ibunda (bahasa Melayu) dalam sebutan bahasa Arab juga antara faktor yang mempengaruhi sebutan makhraj konsonan Arab. Hal ini adalah kerana penguasaan kemahiran sebutan melibatkan faktor fisiologi, iaitu organ sebutan dipengaruhi oleh bahasa pertama yang diujarkan sejak kecil lagi. Pengaruh ujaran bahasa pertama mempengaruhi ketika membunyikan huruf konsonan Arab, walaupun mempunyai makhraj yang sama. Sebagai contoh antara huruf [ظ] dan [p], kedua-dua daripada organ sebutan yang sama, tetapi sifat hurufnya yang berbeza. Pada permulaan latihan, murid-murid akan membunyikan [fa] dengan [p]. Hal ini terjadi kerana organ sebutannya sama, cuma yang membezakannya ialah sifat hurufnya.

Perkara yang sama terjadi kepada murid mula belajar menyebut huruf konsonan [ذ] dan [ظ]. Pada peringkat permulaan murid mengajar [ذ] dan [ظ] dengan [ذ]. Ini adalah kerana [ذ] ada dalam huruf konsonan bahasa Melayu, iaitu hampir kepada huruf konsonan [z]. Untuk menguasai kedua-dua huruf konsonan, para murid membuat kesalahan ketika membuat ujaran, terutama ketika meletakkan organ hujung lidah dan pangkal lidah. Ada yang terlebih mengeluarkan lidah untuk mengujar [zal] dan [dho].

Begitu juga dengan beberapa konsonan gabungan yang terdapat dalam konsonan Melayu, iaitu [gh] [kh] dan [sh]. Ketiga-tiga huruf konsonan ini pada asalnya datang dari bahasa Arab untuk huruf konsonan [غ] [خ] dan [ش]. Huruf-huruf ini telah diterima pakai sebagai kata serapan ke dalam bahasa Melayu, sebagai contoh perkataan *maghrib*, *makhluk* dan *syukur*. Walaupun demikian, cara sebutan konsonan gabungan [gh] dan [kh] adalah tidak tepat dengan makhraj konsonan Arab memandangkan konsonan [غ] dan [خ] terletak pada awal tekak, yang mana tiada huruf konsonan bahasa Melayu yang terletak organ sebutan ini. Di sini berlaku fenomena mengubah ujaran kepada organ yang berhampiran. Murid-murid mudah menjadikan sebutan yang sukar kepada yang mudah mereka sebut. Ini dapat dilihat dalam perkataan seperti *maghrib* disebut *magrib*, *baligh* disebut *balig*, *khobar* disebut *kabar*, *akhbar* disebut *akbar*, *tarikh* disebut *tarih*.

Selain itu, faktor guru memperlihatkan kepada murid cara ujaran yang betul memainkan peranan untuk membantu murid menguasai ujaran yang betul. Kedudukan makhraj konsonan Arab yang melibatkan gusi, lidah dan gigi adalah organ sebutan yang mudah dilihat dan mudah ditiru, iaitu guru memperlihatkan kepada murid cara pengujaran yang betul dan seterusnya, murid dapat meniru dengan mudah ujaran huruf-huruf konsonan. Oleh sebab itu, beberapa huruf konsonan Arab yang tidak ada dalam bahasa Melayu mudah dikuasai oleh murid, termasuk [ظ] dan [خ]. Kedua-dua huruf konsonan ini berada pada tahap sederhana fasih, walaupun ahli linguistik bahasa Melayu menyenaraikan huruf konsonan [خ] sebagai huruf yang mengambil masa yang lama untuk menguasainya oleh murid Melayu (Kamarulzaman 1998).

#### KESIMPULAN

Secara keseluruhan, penguasaan murid-murid prasekolah terhadap huruf konsonan Arab berada pada tahap sederhana. Walaupun demikian, hal ini tidak begitu membimbangkan kerana murid-murid prasekolah baru mengenal huruf-huruf konsonan Arab. Apa yang perlu ditekankan adalah pada peringkat pengajaran dan pembelajaran yang ke seterusnya, iaitu sekolah rendah dan menengah. Latihan-latihan sebutan perlu diambil kira untuk huruf-huruf konsonan yang berada pada sederhana fasih dan tidak fasih. Begitu juga pada peringkat permulaan, huruf-huruf konsonan Arab yang berada pada tahap fasih perlu diperkenalkan terlebih dahulu berbanding huruf-huruf sederhana fasih dan tidak fasih. Demikian juga dalam latihan sebutan, perlu didahulukan latihan huruf-huruf fasih berbanding huruf konsonan sederhana fasih dan tidak fasih.

#### RUJUKAN

- Adams, M.J. 1990. *Beginning to Read: Thinking and Learning About Print*. MA: MIT Press.
- Al-Gharbi, Saad Abdullah. 1987. *Al-aswat al Arabiah wa tadrisuha li ghair al-natiqin biha min al-rasyidin*. Kaherah: Dar al-Maarif.
- Al-Makhzumi, al-Mahdi. 1986. *Al-Khalil bin Ahmad al-Farhidi: a'maluhu wa manhajuhu*. Beirut: Dar al-Raid al-Arabi.
- Juel, C. 1988. Learning to read and write : A longitudinal study of 54 children from first through Fourth Grades. *Journal of Educational Psychology* 80: 437-477.
- Kamarulzaman Abdul Ghani. 1998. *Al-lughah al-Arabiyyah wa al-lughah al-Maliziyyah min al-nahiah al-Aswtiyyah wa al-sarfiiyyah*. Dirasat wasfiyyah taqabuliyah, Tesis M.A. Fakulti Dar al-Ulum. Cairo University, Cairo.
- Kamarulzaman Abd. Ghani & Rahimi, N.M. 2000. Pengaruh bahasa Melayu ke atas sebutan bahasa Arab dan kemahiran tilawah al-Quran. *Jurnal Sari* 18: 67-68.
- McCarthy, M.A. 1999. *Fundamentals of Early Childhood Education*. Massachusetts: Winthrop Publishers.

- Muhammad Solahudin Ali Mujawar. 1997. *Tadris al-lughah al-Arabiyyah bi al-marhalah al-ibtidaiyyah*. Cetakan ke 2. Kaheerah: Dar al-Shuruk.
- Rahimi, N.M. 2000. Tahap kemahiran bertutur Bahasa Arab antara jantina, latar belakang keluarga, tahap minat dan pencapaian dalam peperiksaan PMR. *Jurnal Pendidikan* 24: 141-154.
- Owens, R.E. 2008. 7th edition. *Language Development: An Introduction*. Boston: Pearson Ally & Bacon.
- Siniy, Mahmud Ismail, Nasif Mustahapa & Muktar al-Tohir Husin. 1991. *Uhibbul al-Arabiyyah li al-sighar al-natiqin bi al-lughah al-ukra*. Saudi: Maktabah al-Tarbiyyah al-Arabi li al-dual al-Khalij.
- Siti Rahayah Ariffin, Roseni Ariffin & Hafsa Mohamed Makki. 2008. Faktor kontribusi kecerdasan pelbagai dalam kalangan pelajar remaja. *Jurnal Pendidikan* 33: 35-46.
- Sulzby, E. & Teale, W. 1991. *Emergent Literacy: Handbook of Reading Research vol 2*. New York: Longman.
- Zawawi Ismail. 2008. Penilaian kemahiran bertutur dalam Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah menengah Kebangsaan Agama. Tesis Doktor Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor